



SEKOLAH KEJURUTERAAN MEKANIKAL

FAKULTI KEJURUTERAAN

GRADUATE SUCCESS ATTRIBUTES UHAK1012 SECTION 24

LAPORAN PROGRAM

BANGSA JOHOR BAHAGIA

TARIKH: 6-7 Disember 2019

TEMPAT: Perbadanan Kenari, Rumah Pangsa Bandar Baru Kangkar Pulai

MASA: 8.00 pagi – 5 petang

SENARAI NAMA PESERTA

BIL.	NAMA	NO. MATRIK
1.	MUHAMMAD WAFIUDDIN BIN MOHD SALLEH	A17KM0319
2.	SYED MUSTAQEEM BIN SAID HUSSAIN	A17KM0423
3.	MUHAMMAD SHEQAL BIN ROSLI	A17KM0306
4.	MOHAMAD AZIMIE BIN MD RAZI	A17KM0148
5.	MUHAMMAD HARITH BIN FAUZI	A17KM0265
6.	MUHAMMAD HAZIM BIN AZMI	A17KM0266
7.	TAN SHIOH CING	A17KM0429
8.	NUR AIN AQILAH SABARUDIN	A17KM0343
9.	NURUL NABILAH ABD KADIR	A17KM0379
10.	IMRAN ZUHAILI BIN ZOLKEFLI	A17KM0109
11.	MUTHURAMALINGA TEVAR A/L SUPERAMANIAM	A17KM0327
12.	MOHAMMAD ZULHILMI BIN MAT AIL	A17KM0162
13.	MOHD FAZLE BIN MOHAMAD	A16PP0021
14.	FAKRUL FAKIS BIN ZAMRI	A16PP0009
15.	NUR NAJWA BINTI NOOR AZMAN	A16PP0054
16.	NUR ASWANIZAN BINTI MISLAN	A16PP0048
17.	NUR ANIS AMIRA BINTI MOHD RAZALI	A16PP0046
18.	NUR SYAZWANI BINTI AB HAMID	A16PP0057
19.	SYED AHMAD HUZAIMI BIN SYED MAZLAN	A16PP0075
20.	FATIN NURATHIRAH BINTI ROSLAN	A16PP0080
21.	NOR IZLAIKHA BINTI CHE AZIZ	A15PP0078

1.0 NAMA PROGRAM

Program Pembangunan Bawah Kolong Dibawah Program Bangsa Johor
Bahagia

2.0 PENGANJUR

Pelajar-pelajar subjek *Graduate Success Attributes* dengan kerjasama
Universiti Teknologi Malaysia

3.0 TARIKH

Jumaat dan Sabtu bersamaan 6 dan 7 Disember 2019

4.0 TEMPAT

Perbadanan Kenari, Rumah Pangsa Bandar Baru Kangkar Pulai

5.0 JUMLAH PESERTA

30 orang mahasiswa dan mahasiswi

6.0 PENGISIAN PROGRAM

6.1 SEBELUM PROGRAM

Program Pemabangunan Bawah Kolong ini dianjurkan bagi menghubungkan mahasiswa dengan komuniti penduduk di Rumah Pangsa Bandar Baru Kangkar Pulai. Program ini juga membuka peluang yang lebih luas kepada mahasiswa untuk berinteraksi dengan memahami keadaan komuniti yang menetap di kawasan tersebut. Seiring dengan seruan universiti yang menegaskan bahawa program-program yang dianjurkan haruslah merangkumi segala aspek dimana impak-impak daripada program tersebut menemui sasaran iaitu menabuh khidmat bakti kepada komuniti masyarakat luar tidak hanya pada mahasiswa dan mahsiswi sahaja.

Kumpulan C telah diberi tugas untuk menceriakan dan mengindahkan Perbadanan Kenari di Rumah Pangsa Bandar Baru Kangkar Pulai. Kawasan yang dirancang adalah terletak di bawah Blok A2 iaitu blok yang paling hadapan di perbadanan Kenari. Pada 10 November 2019, satu perjumpaan ahli kumpulan C bersama dengan wakil-wakil penduduk Kenari telah diadakan di pejabat Perbadanan Kenari. Pada hari tersebut, mahasiswa dan mahasiswi telah membentangkan reka bentuk untuk lantai, perabot seperti kerusi dan meja, pagar, rak buku dan mural untuk dinding dan tiang. Pada hari tersebut juga wakil-wakil penduduk dan peserta-peserta telah mendapat persetujuan dalam menentukan reka bentuk yang akan dibuat pada hari program berlangsung. Perbincangan itu juga telah mendapat Pada 28hb November 2019, perlaksanaan projek Bangsa Johor Bahagia di Kangkar Pulai sedang telah mendapat kelulusan dan peruntukan dari pihak universiti. Pada masa yang sama, segala perancangan and pembahagian tugas telah dibahagikan antara ahli-ahli kumpulan C. Tarikh perlaksanaan projek juga telah ditetapkan pada hari Jumaat dan Sabtu, iaitu 6 dan 7 Disember 2019.

6.2 SEMASA PROGRAM

Pada hari pertama program ini berlangsung iaitu 6hb Disember 2019, ahli-ahli kumpulan C telah sampai tempat rumah pangsa perbadanan Kenari pada pukul 9 pagi. Perjalanan dari UTM telah mengambil masa 15 minit dengan menaiki bas UTM. Setibanya kami ke sana, kami telah bersarapan terlebih dahulu bersama wakil penduduk di sana. Kerja-kerja telah dimulakan selepas bersarapan dengan wakil-wakil penduduk. Semua ahli kumpulan telah memberi kerjasama untuk menyiapkan kerja-kerja yang telah dibahagikan dengan penuh bersemangat. Bermula jam 10 pagi semua pelajar telah memulakan kerja-kerja masing dengan membersihkan kawasan sekitar terlebih dahulu terutamanya dinding untuk melukis mural. Kerja-kerja kayu juga dimulakan serta merta. Kerja-kerja kayu adalah seperti memotong kayu pallet kepada saiz yang bersesuaian untuk dijadikan pagar. Di samping itu, kami juga telah melicinkan permukaan kayu pallet tersebut agar kelihatan kemas. 4 orang peserta telah melakukan pemasangan rak buku mengikut reka bentuk yang telah dipilih. Seramai 10 orang peserta yang dibantu oleh beberapa orang peserta tambahan telah bekerjasama untuk melukis lukisan mural dinding dan tiang-tiang. Para peserta berehat pada tengah hari untuk makan dan solat Jumaat.

Selepas solat Jumaat, kerja-kerja yang dirancang telah tergendala dan kami tidak dapat menyiapkan kerja-kerja tersebut kerana cuaca hujan yang tidak mengizinkan. Lukisan-lukisan mural yang telah mula dicat telah rosak kerana terkena air hujan. Kerja-kerja mengecat telah ditangguhkan sehingga cuaca kembali cerah. Dalam pada itu, peserta-peserta lain telah bertungkus lumus untuk menyiapkan mural pada tiang-tiang dan kerja-kerja kayu yang lain. Walaubagaimanapun, kami masih tidak dapat menyiapkan segala tugas dalam masa satu hari. Kerja-kerja akan disambung pada hari kedua.

Pada penghujung hari pertama, hanya rak buku yang dapat disiapkan manakala bahagian-bahagian lain masih di dalam proses dimana kerja-kerja tersebut telah disambung pada hari kedua.

Hari kedua program ini telah berlangsung pada 7 Disember 2019 bertempat di perbadanan Kenari, Rumah Pangsa Bandar Baru Kangkar Pulai. Kumpulan kami telah bertolak dari UTM pada seawal jam 8 pagi dan tiba lokasi program pada pukul 8.30 pagi. Setibanya kami disana, kami dihidangkan sarapan yang telah disediakan oleh penduduk Kenari. Selesai sarapan pagi, kami semua menajalankan tugas masing masing.

Kami menyambungkan kerja-kerja yang kami tidak dapat sempat siapkan pada hari semalam. Rak buku telah disiapkan sepenuhnya oleh 4 orang peserta. Rak buku tersebut telah diberi kemasan *clear coat* agar dapat bertahan lama. Rak buku dinding juga telah siap digantung dengan baik sekali. Kerja-kerja pemasangan pagar telah dimulakan sejak awal. Beberapa orang peserta telah memulakan kerja-kerja mengecat pagar yang telah siap dipasang dengan warna yang telah ditetapkan oleh penduduk iaitu warna kuning, merah dan biru.

Beberapa orang pelajar yang telah menyiapkan mural dinding dengan penuh ketekunan dan dedikasi. Mural dinding yang telah disiapkan oleh mereka kelihatan kemas walaupun telah rosak disebabkan air hujan pada hari sebelumnya. Para peserta juga telah bekerjasama mencantikkan dan mengemaskan lagi mural pada dinding dan tiang-tiang. Walaupun cuaca tidak dapat diramal, kami sempat mural dan pagar. Namun, disebabkan kesuntukan masa, kami tidak sempat memulakan kerja lantai. Kerja-kerja seperti mengecat lantai tergendala dan ditangguh sehingga para penduduk menyiapkan kerja-kerja mereka kerana proses mengecat lantai memerlukan beberapa hari sebelum lantai boleh digunakan sepenuhnya.

Pada penghujung hari kedua, kami masih tidak dapat menyiapkan tugas dengan tergendalanya proses mengecat lantai. Sungguhpun begitu kerja-kerja lain yang dirancang telah dapat disiapkan dengan penuh jaya dan baik sekali oleh para peserta. Kami amat berterima kasih kepada penduduk perbadanan Kenari kerana telah menyediakan juadah dan minuman kepada kami sepanjang program berlangsung.

6.3 SELEPAS PROGRAM

Para peserta mengambil gambar masing-masing dibahagian yang telah mereka siapkan. Para peserta telah menunjukkan reaksi berpuas hati terhadap kerja-kerja yang dapat diselesaikan pada hari yang ditetapkan. Penduduk-penduduk pula meneruskan kerja-kerja yang mereka akan selesaikan di bawah kolong tersebut.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama yang ditunjukkan oleh penduduk Perbadanan Kenari. Tidak lupa juga kami amat berterima kasih kepada pensyarah kami iaitu Dr Syamsul Hendra yang telah banyak membantu dan berusaha menjadikan program ini satu kejayaan.

Laporan program ini telah dapat disiapkan dalam masa seminggu selepas program tamat pada 7 Disember 2019.

7.0 KESIMPULAN

Sebagai konklusinya, program seperti ini sangat membantu para pelajar untuk menambah ciri-ciri sebagai seorang mahasiswa yang cemerlang. Semoga mahasiswa dapat membina jaringan sosial yang positif dengan komuniti penduduk. Program ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan antara Universiti Teknologi Malaysia dengan penduduk di sekitar kawasan universiti dimana perkara ini telah menjadi tanggungjawab kepada semua warga UTM agar menabur jasa dan bakti serta menyumbang kembali kepada komuniti setempat. Program ini juga diharapkan memberi impak positif kepada semua mahasiswa dan mahasiswi dalam aspek kerjasama, hormat-menghormati dan kepemimpinan. Disamping itu, mahasiswa dan mahasiswi diharapkan agar meneruskan kerja-kerja komuniti pada masa akan datang.


LAMPIRAN



Gambar 1: Para peserta bersama wakil penduduk Kenari



Gambar 2: Para peserta bersarapan



Gambar 3: Peserta program memasang pagar



Gambar 4: Pagar yang telah siap dipasang dan dicat



Gambar 5: Peserta program melukis dan mengecat mural



Gambar 6: Lukisan mural yang telah disiapkan oleh peserta program



Gambar 7: Peserta program melakukan kerja-kerja kayu



Gambar 8: Rak buku yang telah disiapkan



Gambar 9: Persekitaran kawasan program



Gambar 10: Ruang yang telah disiapkan

Disediakan Oleh:

.....

(MUHAMMAD WAFIUDDIN BIN MOHD SALLEH)

Ketua Kumpulan C,

Program Bangsa Johor Bahagia,

Graduate Success Attributes,

Universiti Teknologi Malaysia

Disahkan Oleh:

.....

(DR. SYAMSUL HENDRA BIN MAHMUD)

Pensyarah,

Program Bangsa Johor Bahagia,

Graduate Success Attributes,

Universiti Teknologi Malaysia